

Utusan

04/10/2010

9 nelayan lega dapat RM500

MELAKA 4 Okt. - Nelayan Tanjong Limbong, Telok Mas di sini yang kecurian enjin dan bot lega mendapat bantuan sara hidup sebanyak RM500 setiap seorang daripada Jabatan Perikanan Negeri.

Seramai sembilan nelayan menerima sumbangan itu sebagai bayaran ganti rugi selama lima hari mereka tidak dapat keluar menangkap ikan setelah enjin dan bot mereka dicuri pada 20 September lalu.

Nelayan terbabit melahirkan rasa lega kerana Jabatan Perikanan negeri tampil membantu meringankan beban mereka yang sehingga kini masih belum dapat turun ke laut untuk menangkap ikan.

Seorang nelayan, Azran Abdul Talib, 40, berkata, dia melahirkan rasa syukur atas sikap prihatin jabatan itu yang menghulurkan bantuan sebanyak RM500 setiap seorang.

"Walaupun wang ini tidak dapat untuk membeli enjin bot 30 kuasa kuda yang hilang tetapi sekurang-kurangnya bantuan ini dapat meringankan beban saya menyara anak dan isteri," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui selepas menerima sumbangan bayaran ganti rugi pada majlis penerangan dan sambutan Aidilfitri anjuran Jabatan Perikanan negeri di sini hari ini.

Seorang lagi nelayan, Ghani Hitam, 48, berkata, wang saguhati itu akan digunakan untuk perbelanjaan hariannya memandangkan sehingga sekarang dia tidak dapat turun ke laut menangkap ikan.

"Sejak enjin bot saya dicuri pada 20 September lalu, saya langsung tidak dapat turun ke laut menangkap ikan. Sekurang-kurangnya wang RM500 dapat saya guna untuk belanja harian," katanya.

Dia juga mengharapkan permohonan pinjaman tanpa faedah daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dapat diluluskan segera bagi dia dan nelayan lain dapat membeli semula enjin bot yang dicuri.

Bagi Abdul Latif Bakar, 65, turut mengucapkan terima kasih atas sikap prihatin Jabatan Perikanan negeri membantu menghulurkan bantuan meringankan beban yang mereka tanggung.

"Wang ini memang tidak dapat untuk saya beli enjin bot tetapi ini sekurang-kurangnya dapat saya guna untuk kegunaan harian," katanya.

Seorang lagi nelayan, Zakaria Saleh, 64, berkata, dia lega mendapat bayaran ganti rugi bagi tempoh lima hari mereka tidak dapat turun ke laut sejak 20 September lalu.

"Saya ucap terima kasih dapat wang saguhati ini dan pada masa yang sama saya juga harap LKIM dapat meluluskan segera pinjaman tanpa faedah buat saya membeli enjin bot," katanya.

Sejak kejadian itu, katanya, dia tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan dan keadaan itu menyebabkan kehidupannya sekarang terumbang-ambing.